



Penilaian Kualiti Soal Selidik Resilien: Aspek Kesahan Dan Kebolehppercayaan

Nor'Aziah Ahamad Shatar¹, Mohammad Nasir Bistamam² & Fauziah Mohd Sa'ad³
¹ Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang
^{2,3} Universiti Pendidikan Sultan Idris

Article Info

Received:

19 August 2019

Accepted:

06 September 2019

Publish

16 September 2019

E-mail adress:

*corresponding Author :

[*aziahkamil@yahoo.com.my](mailto:aziahkamil@yahoo.com.my)

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Kajian ini bertujuan menguji kesahan dan kebolehppercayaan Soal selidik Resilien yang telah diadaptasi daripada *The Resilience Scale For Early Adolescents (RSEA)*. RSEA yang dibina oleh Baltaci dan Karatas (2014) mengandungi 23 item. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik dalam proses pengumpulan data. Soal selidik ini mengandungi subkonstruk Resilien Diri, Keluarga dan Sekolah. Kaedah Back Translation (Brislin,1973) telah digunakan di dalam proses penterjemahan Soal Selidik Resilien ini. Seramai enam orang pakar terlibat dalam menguji kesahan Soal Selidik Resilien dan nilai pekali kebolehppercayaan diperoleh daripada 50 orang murid di empat buah sekolah rendah di negeri Pulau Pinang. Berdasarkan persetujuan pakar, dapatan menunjukkan Soal Selidik Resilien mempunyai kesahan yang tinggi iaitu dengan indeks pekali .967. Nilai kebolehppercayaan Cronbach's Alpha bagi keseluruhan item adalah .850. Nilai pekali subkonstruk resilien iaitu Resilien Diri, Keluarga dan Sekolah adalah masing-masing .756, .819 dan .638. Ini menunjukkan kesahan dan kebolehppercayaan Soal Selidik Resilien yang telah diterjemahkan mempunyai nilai kesahan dan kebolehppercayaan yang tinggi serta sesuai dijalankan kepada awal remaja berisiko yang berumur 11 tahun di Malaysia. Dapatan kajian, implikasi dan cadangan telah dikemukakan dalam penulisan ini.

Kata Kunci: Kesahan, Kebolehppercayaan, Resilien, Awal Remaja Berisiko

Pengenalan

Zaman peralihan antara kanak-kanak dan alam remaja adalah dalam lingkungan umur 9 hingga 13 tahun (Gladding, 2012). Perkembangan dan pertumbuhan sangat pesat berlaku pada peringkat ini iaitu perkembangan dari aspek fizikal, kognitif, emosi, rohani dan sosial serta mereka mula berfikir ke arah yang lebih matang. Pada peringkat ini, awal remaja mudah terdedah dengan kecelaruan di samping terdapat juga yang menunjukkan unsur-unsur positif (Hall, 1916). Kumpulan awal remaja berisiko ini perlu dibantu agar mereka boleh berfungsi dengan baik dalam menghadapi kehidupan yang sangat mencabar kini.

Antara aspek psikologi yang boleh dibangunkan adalah aspek resilien di mana jika guru khususnya guru bimbingan dan kaunseling dapat mengenal pasti tahap resilien di peringkat awal dan cuba ditingkatkan, situasi ini akan membantu awal remaja untuk beradaptasi dengan persekitaran yang mempengaruhi tekanan psikologinya (Khalid & Aslam, 2012). Aspek resilien yang dikaitkan dalam kajian ini adalah merupakan keupayaan individu untuk lebih tabah apabila menghadapi tekanan dan tidak berputus asa serta bangun semula daripada kesukaran apabila berhadapan dengan dugaan di persekitarannya (Henderson, 2011). Proses penyesuaian diri terhadap sebarang kesukaran secara dinamik juga merujuk kepada definisi resilien (Luthar et al., 2000). Justeru, aspek resilien menyumbang kepada kelangsungan individu amnya dan awal remaja khususnya untuk berhadapan dengan situasi yang sukar dalam kehidupan sehariannya.

Pernyataan Masalah

Kini terlalu banyak isu yang berkaitan dengan awal remaja dan melibatkan pelbagai masalah salah laku. Masalah salah laku yang begitu ketara sejak kebelakangan ini adalah buli (Georgiou, Ioannou & Stavrinides, 2017; Junainor, Salleh, Suliadi Firdaus, Mohd Kasturi Nor, 2016); jenayah siber Norhayati & Suriati, 2015), ponteng (Florence, 2014) dan lari daripada rumah (Khadijah et al., 2013). Awal remaja yang baru meningkat naik ini selalu ingin mencuba sesuatu yang baru tanpa memikirkan risiko yang bakal dihadapi.

Keseronokan menjadi agenda utama dan sering terdedah dengan anasir tidak sihat seterusnya menyebabkan mereka ini sangat berisiko untuk terlibat dengan pelbagai masalah sosial yang menjadi isu utama negara kini. Kehidupan yang semakin mencabar menyebabkan golongan ini sangat mudah terjerumus kepada perkara-perkara yang boleh merosakkan diri mereka sendiri yang akhirnya tersalah pilih rakan untuk membimbing mereka ke arah kebaikan (Che Zarina & Sharifah Basirah, 2013). Di samping itu, faktor keluarga, rakan dan sekolah merupakan faktor yang menyumbang kepada merosotnya akhlak dan sahsiah golongan awal remaja ini (Azyyati, Fariza & Salasiah Hanin, 2013; Muhammed Sharif & Suria, 2012).

Bagi memastikan golongan ini tidak berterusan melakukan tingkah laku bermasalah, aspek resilien perlu dibangunkan agar mereka mempunyai jati diri yang kuat untuk berhadapan dengan pelbagai masalah yang dihadapi. Guru bimbingan dan kaunseling khususnya perlu mengesan tahap resilien golongan awal remaja berisiko ini agar pencegahan awal dapat dilaksanakan (Nasir et al. 2015). Hal ini akan membantu golongan awal remaja berisiko untuk bangun semula daripada kesilapan yang telah mereka lakukan seterusnya mengubah tingkah laku negatif kepada yang lebih positif.

Oleh yang demikian, penyelidik berpandangan satu indikator perlu bagi mengukur tahap resilien awal remaja berisiko ini seterusnya menjadi rujukan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan Soal Selidik Resilien untuk rujukan para pendidik khususnya guru bimbingan dan kaunseling agar dapat mengukur tahap resilien awal remaja berisiko bagi membolehkan mereka berfungsi dengan baik dalam keluarga, sekolah dan masyarakat amnya.

Selain itu, Soal Selidik Resilien yang diadaptasi dari *The Resilience Scale For Early Adolescents- RSEA* oleh Baltaci dan Karatas (2014) masih belum diuji kesahan dan

kebolehpercayaan secara statistik di Malaysia. Jadi, penyelidik mengambil inisiatif untuk membuktikan kesahan dan kebolehpercayaan *RSEA* seterusnya memastikan kesesuaian item-item soal selidik resilien dalam konteks awal remaja di Malaysia. Kekurangan soal selidik bagi mengukur tahap aspek psikologi klien atau subjek kajian merupakan satu kekangan dalam kalangan kaunselor kerana instrumen psikologi yang sesuai dengan klien adalah sangat kurang. (Rozman & Ahmad Jazimin, 2015). Diharapkan kajian ini dapat membantu para kaunselor dalam mengenal pasti instrumen yang bersesuaian dengan masalah klien mereka terutamanya dalam aspek resilien.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji kesahan dan kebolehpercayaan Soal Selidik Resilien yang telah diadaptasi daripada *The Resilience Scale For Early Adolescents-RSEA* (Baltaci & Karatas, 2014). Diharapkan dapatan daripada pengujian kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik ini menjadi rujukan khususnya kepada guru bimbingan dan kaunseling dalam mengenal pasti tahap resilien kumpulan awal remaja berisiko seterusnya dapat memberi intervensi awal sama ada dalam bentuk sesi bimbingan dan kaunseling individu atau bimbingan dan kaunseling kelompok. Guru bimbingan dan kaunseling juga boleh mentadbir sendiri Soal Selidik Resilien yang telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya.

Soalan Kajian

Terdapat dua persoalan utama dalam kajian ini yang perlu diberi perhatian. Penyelidik telah menggariskan persoalan-persoalan berikut:

1. Adakah Soal Selidik Resilien mempunyai nilai kesahan yang tinggi?
2. Adakah Soal Selidik Resilien mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi?

Tinjauan Literatur

Dapatan kajian terdahulu menunjukkan remaja yang terdedah dengan persekitaran berisiko iaitu faktor-faktor pelindung yang tidak berfungsi dengan sempurna akan mengalami tekanan psikologi dan turut menjejaskan tahap resilien remaja (Khalid & Aslam, 2012). Begitu juga dengan awal remaja yang mempunyai masalah tingkah laku, didapati tahap resiliennya rendah dan berpotensi untuk terus mengulangi masalah tingkah laku sama ada dalam keluarga atau di sekolah (Endang Sri Fatimah, 2015). Hal ini selari dengan Kuyper (2014) yang menyatakan bahawa jika remaja menjaga hubungan dengan ibu bapa, ahli keluarga, rakan-rakan dan individu yang signifikan dalam persekitarannya, tahap resilien mereka dapat ditingkatkan. Yudhi (2014) turut menegaskan bahawa jika awal remaja mempunyai tahap resilien yang tinggi mudah baginya untuk berhadapan dengan situasi yang penuh dengan cabaran.

Terdapat dua perspektif tentang resilien iaitu jika individu yang mendapat sokongan luaran, agak sukar untuk ia bangun semula daripada kesukaran berbanding individu yang mempunyai sokongan dalaman iaitu sokongan dalam dirinya sendiri adalah lebih mudah untuknya menyesuaikan diri dengan situasi tertentu dan berpotensi untuk bangun semula daripada sebarang kesulitan yang dihadapi (Masten, 2001). Aspek resilien juga mendapat perhatian khasnya dalam kalangan pengkaji-pengkaji terdahulu yang cuba membantu klien untuk meningkatkan tahap resilien melalui sesi intervensi menggunakan pendekatan sesi bimbingan dan kaunseling individu atau bimbingan dan kaunseling kelompok. Bagi mengesan tahap resilien subjek kajian yang terlibat dalam intervensi, pengkaji terdahulu telah menggunakan soal selidik resilien yang bersesuaian dengan subjek kajian mereka (Artuch-Garde et al., 2017; Mohammad Nasir et al., 2015; Md Noor, 2012).

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, jelas menunjukkan bahawa aspek resilien merupakan salah satu aspek psikologi yang perlu diberi perhatian kerana jika diabaikan akan menjejaskan perkembangan individu terutama awal remaja yang terdedah dengan pelbagai risiko untuk lebih bermasalah dan mengalami gangguan emosi. Jadi, pemilihan Soal Selidik Resilien perlu bagi mengukur tahap resilien mereka seterusnya guru bimbingan dan kaunseling boleh memberikan intervensi kepada kumpulan awal remaja berisiko yang mempunyai tahap resilien yang rendah.

Metodologi

Kajian ini berbentuk tinjauan iaitu mencari nilai kesahan dan kebolehpercayaan item Soal Selidik Resilien. Penyelidik telah mengadaptasi Soal Selidik Resilien (*The Resilience Scale For Early Adolescents-RSEA*) oleh Baltaci dan Karatas (2014) serta menjalankan pengujian kesahan dan kebolehpercayaan instrumen bagi memastikan penggunaan Soal Selidik Resilien ini sesuai dan relevan dengan kumpulan awal remaja berisiko di Malaysia. Kajian ini telah dilaksanakan di empat buah sekolah kebangsaan di sekitar negeri Pulau Pinang dan sasarannya adalah kumpulan awal remaja berisiko berumur 11 tahun. Kumpulan awal remaja berisiko adalah yang memenuhi salah satu ciri-ciri seperti ibu bapa bercerai, anak yatim, miskin dan tidak aktif dalam aktiviti kokurikulum. Walau bagaimanapun subjek kajian perlu menguasai kemahiran asas membaca dan menulis.

Penyelidik menjalankan pengujian nilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen berdasarkan analisis kesahan muka dan kesahan kandungan. Proses pengujian kesahan dan kebolehpercayaan ini telah melalui proses *Back Translation* oleh Brislin (1969); Brislin, Looner dan Thorndike (1973). Penterjemahan soal selidik daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu dan sebaliknya (*Back translation*) telah dilaksanakan oleh dua orang pakar bahasa yang menguasai kedua-dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi memastikan ketepatan bahasa, struktur ayat dan tatabahasa. Seterusnya soal selidik yang telah diterjemahkan diberi kepada lima orang subjek kajian untuk melihat sejauh mana kefahaman mereka terhadap item-item yang terdapat dalam Soal Selidik Resilien ini (*Pre Testing*). Proses seterusnya ialah memberikan Soal Selidik Resilien kepada panel pakar untuk mendapatkan nilai kesahan kandungan.

Bagi menentukan nilai kesahan kandungan Soal Selidik Resilien, seramai enam orang pakar telah dipilih. Pakar-pakar tersebut adalah terdiri daripada seorang pensyarah kanan dalam bidang psikologi dari universiti awam, tiga orang pensyarah bimbingan dan kaunseling, seorang pensyarah dalam bidang psikometrik dari Institut Pendidikan Guru serta seorang guru bimbingan dan kaunseling sekolah rendah. Kesemua pakar yang dipilih mempunyai pengalaman dalam bidang masing-masing lebih daripada lima tahun (Malhorltra & Birks, 2007; Cohen, 2011). Semakan item-item soal selidik bertujuan untuk memastikan Soal Selidik Resilien menepati aspek yang hendak dikaji, objektif kajian dan istilah yang bersesuaian dengan subjek kajian. Penyelidik menganalisis dapatan daripada maklum balas panel pakar dengan mengambil nilai min skor, nilai peratus dan nilai pekali kesahan.

Nilai kebolehpercayaan item Soal Selidik Resilien telah dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian IBM SPSS Versi 23. Penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 50 orang murid berumur 11 tahun yang menepati ciri-ciri awal remaja berisiko daripada empat buah sekolah kebangsaan di sekitar negeri Pulau Pinang. Nilai *Cronbach's Alpha* mengambil kira dapatan terdahulu yang menyatakan bagi mengukur ketekalan item, nilai melebihi .60 adalah diterima (Mohd majid, 2000). Begitu juga dengan Nunnally dan Bernstein (1978) berpandangan nilai *Cronbach's Alpha* perlu melebihi .70. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan nilai melebihi .60 sebagai nilai *Cronbach's Alpha* bagi Soal Selidik Resilien.

Dapatan dan Perbincangan

Kesahan Soal Selidik Resilien

Proses pengujian kesahan Soal Selidik Resilien telah dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Soal Selidik Resilien yang diadaptasi daripada *The Resilience Scale For Early Adolescents-RSEA* (Baltaci & Karatas,2014) telah melalui proses *back translation*. Dapatan kesahan muka menunjukkan maklum balas yang positif daripada pakar bahasa dan murid-murid yang terpilih menjawab soal selidik pada peringkat *pre testing*. Pandangan pakar bahasa yang dilantik mengutarakan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian. Antara aspek yang perlu ditambahbaik ialah struktur ayat, tatabahasa dan istilah yang digunakan bersesuaian dengan tahap murid-murid di sekolah rendah. Seterusnya lima orang murid yang terpilih menunjukkan pemahaman terhadap item-item soal selidik di samping penggunaan ayat yang ringkas dan mudah difahami meningkatkan lagi kefahaman mereka. Penyelidik telah menganalisis dapatan daripada panel pakar bagi mendapatkan nilai kesahan Soal Selidik Resilien dan paparan dalam jadual 1.0 menjelaskan dapatan tersebut.

Jadual 1.0

Nilai Kesahan Kandungan Soal Selidik Resilien Berdasarkan Penilaian Panel Pakar

Konstruk	Penilaian pakar						Jumlah	Skor (%)	α	Pandangan pakar
	1	2	3	4	5	6				
Resilien	4.82	4.65	4.91	4.86	4.86	4.91	29.01	96.7	.967	Diterima

Jadual 1.0 memaparkan hasil penilaian panel pakar berdasarkan jumlah skor purata, peratus dan nilai kesahan. Didapati, Soal Selidik Resilien mempunyai kesahan iaitu 96.7% bagi skor purata dan nilai pekali kesahan adalah .967. Nilai tersebut diperoleh melalui hasil pembahagian jumlah skor likert enam orang pakar dengan jumlah skor sebenar yang didarab dengan seratus. Hasil penilaian pakar menunjukkan nilai kesahan bagi soal selidik ini adalah tinggi dan pakar berpandangan Soal Selidik Resilien adalah diterima serta boleh digunakan untuk pengujian seterusnya.

Setelah proses penilaian kesahan muka dan kandungan Soal Selidik Resilien dijalankan, penyelidik mengambil kira cadangan penambahbaikan oleh panel pakar penilai terhadap Soal Selidik Resilien ini. Secara keseluruhannya, panel pakar menegaskan agar penggunaan istilah atau perkataan dalam item-item soal selidik perlu ringkas dan mudah difahami oleh subjek kajian di samping penyelidik perlu juga memastikan item-item yang diterjemahkan tidak mengubah maksud soal selidik yang asal. Penyelidik telah membuat penambahbaikan ke atas Soal Selidik Resilien sebelum meneruskan pengujian nilai kebolehpercayaan.

Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Resilien

Pada peringkat awal, *The Resilience Scale For Early Adolescents- RSEA* mengandungi 23 item, namun terdapat tiga item (item nombor 3, 20 dan 21) yang telah digugurkan bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan item yang tinggi dan boleh diterima untuk mengukur tahap resilien subjek kajian. Nilai kebolehpercayaan 20 item yang dikekalkan diperincikan dalam Jadual 2.0.

Jadual 2.0

Keputusan Analisis Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Resilien

Item	Cronbach's Alpha Based on Standardized items	Cronbach's Alpha if Item Deleted	Tahap Item	Nilai Pekali kebolehpercayaan
1. Saya tidak berputus asa walaupun dalam keadaan paling susah.	.85	.842	Signifikan	Tinggi
2. Saya mempunyai keyakinan diri walaupun berada dalam keadaan yang paling susah.	.85	.844	Signifikan	Tinggi
3. Saya mencari cara yang berbeza untuk menyelesaikan masalah saya.	.85	.843	Signifikan	Tinggi
4. Saya bertanggungjawab pada kehidupan saya.	.85	.850	Signifikan	Tinggi
5. Saya mencari jalan penyelesaian walaupun berada dalam keadaan paling susah.	.85	.838	Signifikan	Tinggi
6. Saya mudah menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku dalam hidup saya.	.85	.843	Signifikan	Tinggi
7. Saya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk perkara-perkara yang saya fikir adalah benar.	.85	.849	Signifikan	Tinggi
8. Saya mempunyai perancangan untuk masa hadapan.	.85	.841	Signifikan	Tinggi
9. Keluarga sentiasa menyokong saya dalam semua keadaan.	.85	.841	Signifikan	Tinggi
10. Keluarga memberikan tanggungjawab atas perkara yang saya boleh lakukan. (Contoh: Mengemas rumah)	.85	.843	Signifikan	Tinggi
11. Saya mempunyai hubungan yang baik dengan keluarga saya.	.85	.845	Signifikan	Tinggi
12. Saya berasa selamat ketika bersama keluarga saya.	.85	.844	Signifikan	Tinggi
13. Saya berkongsi masalah dengan ahli keluarga saya.	.85	.839	Signifikan	Tinggi
14. Keluarga mempercayai saya.	.85	.849	Signifikan	Tinggi
15. Kami menyelesaikan masalah keluarga bersama-sama	.85	.830	Signifikan	Tinggi
16. Rakan-rakan mendengar masalah saya.		.848		

17. Rakan-rakan mempercayai saya	.85	.850	Signifikan	Tinggi
18. Rakan-rakan menghargai saya.	.85	.846	Signifikan	Tinggi
19. Saya suka hadir ke sekolah.	.85	.839	Signifikan	Tinggi
20. Guru-guru menghargai saya.	.85	.846	Signifikan	Tinggi

Jadual 2.0 memaparkan terdapat 20 item yang mempunyai nilai *alpha* (*alpha if item deleted*) kurang atau sama daripada *standardized item alpha*. Dapatan ini jelas menunjukkan item nombor 1 hingga 20 adalah signifikan dan menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Jika nilai *alpha* (*alpha if item deleted*) lebih besar dari nilai *standardized item alpha*, item-item tersebut adalah tidak signifikan.

Bagi menjelaskan lagi dapatan nilai kebolehpercayaan Soal Selidik Resilien, penyelidik meringkaskan dapatan analisis kebolehpercayaan item seperti dalam jadual 3.0. Jadual 3.0 menjelaskan nilai *Cronbach's Alpha* sebelum dan selepas dianalisis menggunakan SPSS versi 23.

Jadual 3.0

Nilai Kebolehpercayaan Bagi Konstruk dan Subkonstruk Soal Selidik Resilien

Konstruk dan Subkonstruk	Bilangan Item Sebelum	Nilai α	Bilangan item Selepas	Nilai α
Resilien	23	.849	20	.850
Resilien Diri	9	.746	8	.756
Resilien Keluarga	7	.819	7	.819
Resilien Sekolah	7	.564	5	.638

*Nilai Kesignifikanan pada aras .05

Jadual 3.0 menunjukkan dapatan nilai kebolehpercayaan item soal selidik resilien secara keseluruhan iaitu setelah tiga item digugurkan, nilai *Cronbach's Alpha* meningkat daripada .849 kepada .850. Begitu juga dengan nilai subkonstruk Resilien Diri dan Resilien Sekolah masing-masing meningkat daripada .746 kepada .756 dan .564 kepada .638. Manakala nilai *Cronbach's Alpha* Resilien Keluarga kekal tujuh item dengan nilai *Cronbach's Alpha* iaitu .819. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa setelah melalui prosedur pengujian kesahan dan kebolehpercayaan, Soal Selidik Resilien ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan untuk kumpulan awal remaja berisiko yang berumur 11 tahun di Malaysia.

Tatacara pengujian soal selidik dijalankan bagi memastikan kualiti sesebuah soal selidik dan kesesuaiannya dengan sasaran kajian. Hal ini selari dengan pandangan Tavakol dan Dennick (2011) iaitu bagi memperoleh ketepatan penilaian dan kelancaran proses penilaian dalam penyelidikan, setiap instrumen perlu melalui prosedur kesahan dan kebolehpercayaan. Hal ini turut diberi perhatian dalam kajian ini di mana penyelidik juga menekankan aspek kesahan dan kebolehpercayaan bagi memastikan Soal Selidik Resilien yang digunakan berkualiti seterusnya mengukur apa yang sepatutnya diukur dan ketekalannya juga kekal konsisten (Othman, 2013).

Berdasarkan dapatan analisis penilaian enam orang pakar dan skor daripada 50 orang awal remaja berisiko berumur 11 tahun, jelas menunjukkan Soal Selidik Resilien yang diadaptasi daripada *RSEA* (Baltaci & Karatas, 2014) menghasilkan nilai kesahan oleh pakar yang tinggi iaitu .967 dan nilai kebolehpercayaan .850. Justeru, dapatan yang diperoleh menepati nilai yang telah ditetapkan di peringkat awal kajian iaitu nilai kebolehpercayaan yang digunakan adalah melebihi

.60. Instrumen yang mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi sesuai untuk diaplikasikan kepada kumpulan sasaran (Sidek & Jamaluddin 2005; Mohd Majid, 1998).

Bagi memperincikan lagi kajian berkaitan tahap resilien awal remaja berisiko, kajian ini turut menganalisis nilai subkonstruk resilien iaitu Resilien Keluarga, Resilien Diri dan Resilien Sekolah. Ketiga-tiga nilai subkonstruk ini memaparkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi bagi kesemua item yang terlibat iaitu Resilien Diri .756, Resilien Keluarga .638 dan Resilien Sekolah .819. Berdasarkan nilai-nilai kebolehpercayaan subkonstruk resilien tersebut, jelaslah soal selidik ini boleh menilai tahap resilien awal remaja berisiko. Di samping itu, dapatan kajian ini turut memberi perhatian kepada faktor-faktor protektif seperti faktor diri sendiri, keluarga dan sekolah. Faktor-faktor protektif ini amat mempengaruhi perkembangan aspek psikologi individu amnya dan aspek resilien khususnya di mana jika faktor diri, keluarga dan sekolah berfungsi dengan baik, tahap resilien awal remaja berisiko juga akan meningkat dan berkembang secara positif. Sebaliknya, jika faktor-faktor tersebut gagal berfungsi dengan berkesan, tahap resilien individu juga menurun.

Kajian berkaitan kesahan dan kebolehpercayaan Soal Selidik Resilien turut memberi sumbangan kepada bidang bimbingan kaunseling khasnya dalam aspek pengukuran dan penilaian. Kewajaran untuk menggunakan Soal Selidik Resilien yang telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan ini perlu diberi perhatian dan kredibilitinya untuk digunakan dalam mengenal pasti tahap resilien awal remaja berisiko di Malaysia. Soal selidik ini mampu menilai tahap resilien murid-murid di sekolah rendah dan juga kumpulan awal remaja berisiko yang berumur 11 tahun kerana item-item yang diutarakan dalam soal selidik ini mudah difahami oleh subjek kajian dan mudah ditadbir oleh guru bimbingan dan kaunseling.

Hasil dapatan penggunaan Soal Selidik Resilien ini boleh menjadi panduan kepada para guru bimbingan dan kaunseling untuk melaksanakan program intervensi di sekolah sama ada menggunakan pendekatan kaunseling individu atau kaunseling kelompok dalam meningkatkan aspek resilien murid-murid. Di samping itu, skop intervensi yang dikendalikan juga akan lebih mudah dan berfokus kerana intervensi menjurus kepada tiga subkonstruk yang terdapat dalam konstruk utama. Inisiatif menterjemahkan soal selidik resilien, menguji kesahan dan kebolehpercayaan item dan kesesuaiannya dengan awal remaja di Malaysia merupakan satu usaha yang dapat membantu para guru bimbingan dan kaunseling meningkatkan pengetahuan dalam bidang penilaian dan pengukuran seterusnya membantu mereka mengenal pasti kanak-kanak yang mempunyai masalah dalam aspek psikologi khasnya resilien. Justeru, dengan adanya instrumen yang telah diuji ini dapat membantu meningkatkan tahap resilien awal remaja berisiko. Instrumen ini juga menjadi alternatif dan pelengkap kepada soal selidik resilien yang sedia ada seterusnya menyumbang kepada bidang psikologi, kaunseling dan psikometrik di Malaysia.

Bagi memantapkan lagi dapatan pengujian nilai kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik resilien ini, adalah diharapkan pengkaji akan datang menggunakan Soal Selidik Resilien ini ke atas kumpulan remaja yang berbeza, membuat korelasi dengan pembolehubah yang lain dan melaksanakan proses uji semula bagi mendapatkan nilai *Cronbach's Alpha* seterusnya membuat perbandingan dengan nilai yang diperoleh pengkaji sebelumnya.

Rumusan

Kesimpulannya, kajian ini telah melaksanakan inisiatif dalam menterjemahkan Soal Selidik Resilien daripada edisi Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu yang akan menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji akan datang. Dapatan kajian yang menunjukkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi memberi sumbangan kepada bidang penyelidikan dan penilaian bimbingan dan kaunseling khasnya. Kajian ini juga menunjukkan konsistensi dengan subkonstruk yang diutarakan oleh pembina asal soal selidik resilien ini iaitu Baltaci dan Karatas (2014). Ketiga-tiga subkonstruk iaitu Resilien Diri, Resilien Keluarga dan Resilien Sekolah yang

diberi perhatian juga mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Justeru, soal selidik resilien untuk kumpulan awal remaja berisiko yang telah melalui prosedur adaptasi adalah sesuai untuk diaplikasikan kepada kumpulan yang sama di Malaysia kerana keselarasannya dengan nilai dan budaya di Malaysia.

Rujukan

- Artuch-Garde, R., González-Torres, M. D. C., de la Fuente, J., Vera, M. M., Fernández- Cabezas, M., & López-García, M. (2017). Relationship between resilience and self-regulation: a study of Spanish youth at risk of social exclusion. *Frontiers in psychology, 8*, 612.
- Azyyati Mohd Nazim., Fariza Md.Sham & Salasiah Hanin Hamjah. (2013). Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur/Risk Teens Features: A Literature Review. *Islamiyyat, 35*(1), 111.
- Baltaci, H., & Karatas, Z. (2014). Validity and reliability of the Resilience Scale for Early Adolescents. *Procedia-Social and Behavioral Sciences, 131*, 458-464.
- Brislin, R.W. , Looner, W. J. & Thorndike, R.M. (1973). *Cross-cultural Research Methodology*. New York: Wiley
- Brislin, R. W.(1969). Back -Translation For Cross-Cultural Research(Order No. 7013803). Available from ProQuest Dissertations & Theses Global. (302466037). dimuat turun <http://search.proquest.com/docview/302466037?accountid=13155>
- Che Zarina Sa'ari, & Sharifah Basirah Syed Muhsin., (2013). Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah al-Nafs. *Jurnal Usuluddin, 36*(36).
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2013). *Research methods in education*. Routledge
- Fatimah, E. S. (2015). *Hubungan Antara Kenakalan Remaja Dengan Resiliensi Dan Komunikasi Dalam Keluarga Pada Siswa Kelas XI SMK Yosonegoro Magetan* (Doctoral dissertation, Universitas Sebelas Maret).
- Florence Stevan., (2014). *Analisis Masalah Ponteng Dalam Kalangan Pelajar India Di Sekolah Menengah Melalui kaedah pedagogi Hermeneutik Florence*. Latihan Ilimah Yang Tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- Gladding, S. T. (2012). *Groups: A Counseling Speciality 6th edition*. Pearson.
- Georgiou, S. N., Ioannou, M., & Stavrinides, P. (2017). Parenting styles and bullying at school: The mediating role of locus of control. *International Journal of School & Educational Psychology, 5*(4), 226-242
- Hall, G.S. (1916). *Adolescence. 2 vols*. New York: Appleton
- Henderson, N. (2012). Resilience in schools and curriculum design. In *The Social Ecology of Resilience (pp. 297-306)*. Springer New York.
- Junainor Hassan, J., Rashid, S. A., Sufahani, S. F., & Aziz, M. K. N. A. (2016). Buli Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Luar Bandar: Kajian Kes Di Kawasan Felda Utara Kedah-Perlis,

- Malaysia (Bully Among Rural Primary School Students: A Case Study Of North Kedah-Perlis Felda Territory, Malaysia). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(1).
- Khadijah Alavi., Salina Nen., Mohd Suhaimi Mohamad., Norulhuda Sarnon., Fauziah Ibrahim & Suzana Mohd Hoesni. (2013). Understanding the factors of children missing/running away from home in Malaysia. *Sains Humanika*, 66(1).
- Khalid, J., & Aslam, N. (2012). Relationship Of Perceived Parenting With Psychological Distress And Resilience Among Adolescents. *Pakistan Journal of Psychology*, 43(2).
- Kuyper, N. (2014). *The influence of schooling on the resilient behaviour and academic performance of poverty-stricken adolescents in Gauteng schools*. Thesis Master Of Education.
- Luthar, S.S., & Suchman, N.E.(2000). Relational Psychotherapy Mothers. *Developmental & Psychopathology*, 12, 235-253
- Masten, A. S. (2001). Ordinary magic: Resilience processes in development. *American psychologist*, 56(3), 227.
- Malhotra, N. K., & Birks, D. F. (2007). *Marketing research: An applied approach*. Pearson Education.
- Md Noor Saper. (2012). *Pembinaan modul bimbingan 'tazkiyah an-nafs' dan kesannya ke atas religiositi dan resiliensi remaja*. Tesis Dr. Fal. Universiti Utara Malaysia.
- Mohammad Nasir Bistamam, Samsiah Mohd Jais, Aslina Ahmad, Amelia Mohd Noor, Ahmad Jazimin Jusoh, Muhammad Bazlan Mustafa, Noraini Hj. Ismail, Faizura Rohaizad, Mohd Noor Idris (2015)., Kesan Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja Terhadap Resilien Dalam Kalangan Remaja Berisiko Mengambil dadah. *Vol 8, 2015., Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)*
- Mohd. Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammed Sharif Mustaffa & Suria Abd Jamil. (2012). *Mengenal pasti punca-punca masalah ponteng di kalangan pelajar sekolah rendah: satu kajian kes*. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 6 . pp. 50-73. ISSN 2231-735X
- Norhayati Mat Ghani & Suriati Ghazali.(2015). Tindak Balas Pengguna YouTube Terhadap Kes Buli dalam Kalangan Remaja di Malaysia. *Sains Humanika*, 6(1).
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1978). *Psychometric testing*. *New York: McGraw*.
- Othman Talib.(2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rozman Salleh & Ahmad Jazimin Jusoh. (2015). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Egogram Analisis Transaksional Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal PEKAMA* 19, pp.67-82

Sidek Mohd Noah., Jamaluddin Ahmad. (2005)., *Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan Dan Modul Akademik*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Tavakol, M. & Dennick, R. (2011). Making sense of Cronbach's alpha. *International journal of Medical Education*, 2, pp.53-55

Yudhi Utama Putra. (2014). *Resiliensi Pada Remaja Yang Mengalami Broken Home*. Skripsi. Fakultas Psikologi Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim ,Riau